

02 AUG 2000
SPP-Mesyuarat
MED AKAN DIPUJUK UNTUK MENERIMA SPP ESOK

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Usaha memujuk Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) supaya menerima Skim Penamatan Perkhidmatan (SPP) akan dilakukan pada satu mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn di sini, esok.

Mesyuarat yang dihadiri oleh wakil-wakil MEF dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) itu akan mendengar pendapat MEF yang belum memberi kata putus walaupun pada dasarnya SPP telah dipersetujui oleh kerajaan dan MTUC.

"Jika majikan enggan bersetuju dengan skim itu, kita akan terus memujuk...kita tidak akan memaksa mereka kerana skim ini hanya boleh dilaksanakan jika mereka bersetuju," kata Fong selepas menerima memorandum MTUC di kementerianannya di sini, hari ini

Kata Fong, walaupun skim itu melibatkan potongan levi sebanyak RM1, tetapi potongan 50 sen sudah memadai jika jumlah RM1 dirasakan terlalu membebankan.

Bercakap kepada media, presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata demonstrasi besar-besaran seperti yang sering dibuat oleh pekerja Korea Selatan akan diadakan jika MEF menentang skim itu.

"Apa sangat dengan caruman RM1 sedangkan seorang pekerja telah menyumbang sebanyak RM100 untuk keuntungan majikan," katanya selepas menyerahkan memorandum kepada Fong yang mengandungi tuntutan siasatan ke atas kes rampasan sepanduk MTUC semasa sambutan Hari Pekerja pada 29 Julai lalu di Stadium Bukit Jalil.

MTUC akan berbincang dan mendesak MEF, tidak ada sebab mereka tidak mahu bersetuju kerana SPP akan meninggikan produktiviti negara jika pekerja negara ini rasa terjamin, kata Zainal.

SPP dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana ia dapat membantu pekerja yang diberhentikan oleh majikan.

Skim itu dicadangkan oleh Kementerian Sumber Manusia pada ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi dan berlaku pemecatan pekerja oleh syarikat yang menghadapi masalah.

Mengenai memorandum itu, Zainal menuntut agar Fong menyiasat kes rampasan sepanduk oleh anggota polis yang bertugas kerana tulisannya tidak ada mengandungi pengertian yang sensitif.

Ayat yang ada hanyalah "MTUC Mengucapkan Selamat Hari Pekerja 2000 - Kami Menuntut Perundangan Gaji Minima"

"Kementerian Fong dilibatkan kerana menurut anggota polis terbabit, arahan datang daripada pihaknya sendiri," katanya.

Zainal berkata peristiwa yang berlaku di hadapan puluhan ribu pekerja itu amat memalukan MTUC sebagai kesatuan yang paling berkredibiliti di negara dan pada peringkat antarabangsa.

--BERNAMA
SLR RV zb